



## KENYATAAN TENDER

### PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN PERISIAN DAN PERKAKASAN PUTRAJAYA COMMAND CENTRE (PCC) BAGI TEMPOH TIGA PULUH ENAM (36) BULAN UNTUK PERBADANAN PUTRAJAYA

(NO. TENDER : PPj/JK/T/0004/2025)

1. Tender adalah dipelawa kepada **Syarikat Tempatan** yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan (MOF)** dalam kod bidang yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini, serta mempunyai pengalaman, keupayaan teknikal dan kewangan yang mencukupi bagi melaksanakan projek tersebut di atas. Kontraktor/Syarikat yang berminat untuk menyertai tender ini boleh layari laman <https://perolehan.ppj.gov.my/dcoins/landingpage> bagi tujuan pendaftaran kontraktor/syarikat.
2. Maklumat Tender serta kelayakan asas Kontraktor/Syarikat adalah seperti berikut:

SYARAT MEMASUKI TENDER	TARIKH DAN TEMPAT TAKLIMAT / LAWATAN TAPAK	TARIKH DAN TEMPAT DOKUMEN MULA DIJUAL	HARGA DOKUMEN, BENTUK BAYARAN & BAYARAN ATAS TALIAN (FPX)	TARIKH, WAKTU & TEMPAT TENDER TUTUP
<p>Pendaftaran Kementerian Kewangan (MOF)</p> <p><b>210102 - HARDWARE (HIGH END TECHNOLOGY) DAN</b></p> <p><b>210103 - COMPUTER SOFTWARE, OPERATING SYSTEM, DATABASE, OFF-THE-SHELF PACKAGES INCLUDING MAINTENANCE DAN</b></p> <p><b>210105 - TELECOMMUNICATION/NETWORKING-SUPPLY PRODUCT, INFRASTRUCTURE, SERVICES INCLUDING MAINTENANCE DAN</b></p> <p><b>TERBUKA</b></p>	<p>13 Mei 2025 (Selasa) 10:00 pagi</p> <p>Bilik Mesyuarat Dahlia, Aras 5, Blok D, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana Presint 3, 62675. Wilayah Persekutuan Putrajaya (DIWAJIBKAN)</p>	<p>16 Mei 2025 (Jumaat) sehingga <b>29 Mei 2025 (Khamis)</b> web <a href="https://perolehan.ppj.gov.my/dcoins/landingpage">https://perolehan.ppj.gov.my/dcoins/landingpage</a></p>	<p>Ringgit Malaysia <b>RM 100.00</b> (Tidak Dikembalikan) web <a href="https://perolehan.ppj.gov.my/dcoins/landingpage">https://perolehan.ppj.gov.my/dcoins/landingpage</a></p>	<p>6 Jun 2025 (Jumaat) <b>12:00 tengah hari</b> Kaunter Perolehan Perbadanan Putrajaya, Aras 3, Bangunan Annexe, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Putrajaya</p>

3. Syarikat yang berminat boleh mendapatkan maklumat berkaitan tender dan menyemak Dokumen Meja Tender di pautan berikut <https://perolehan.ppj.gov.my/dcoins/landingpage>.
4. Taklimat tender akan diadakan pada **13 Mei 2025 (Selasa)**, jam **10:00 pagi** di **Bilik Mesyuarat Dahlia, Aras 5, Blok D, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana Presint 3, 62675. Wilayah Persekutuan Putrajaya**. Hanya pemilik/pengarah syarikat atau pegawai syarikat yang ditauliahkan di dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Kementerian Kewangan dibenarkan untuk menghadiri taklimat tender. Sila bawa bersama Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan (MOF) dan Cap Syarikat.
5. Tender ini akan ditutup pada **6 Jun 2025 (Jumaat)**, jam **12:00 tengah hari**. Dokumen Tender yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul berlakri serta bertanda dengan tajuk tender dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender yang dikhaskan sebelum waktu yang ditetapkan seperti di atas.

6. Syarikat hendaklah menanggung sendiri segala perbelanjaan yang berkaitan dengan urusan tender ini. Bayaran Dokumen Tender tidak akan dikembalikan.

**PERHATIAN:**

Kontraktor/Syarikat yang berminat untuk menyertai tender ini dikehendaki berdaftar di dalam sistem COINS (Sistem Maklumat Pengurusan Kontrak). Hanya kontraktor yang **BERDAFTAR** di dalam **sistem COINS** sahaja dibolehkan untuk **membeli dokumen tender**. Sila log masuk menggunakan log ID Pengguna dan kata laluan yang telah diberikan serta kemas kini dokumen berkaitan. (Kontraktor/Syarikat hanya dibenarkan mendaftar sekali sahaja).

Sila hubungi Seksyen Pengurusan Perolehan Perbadanan Putrajaya di talian 03-8887 7708 atau e-mel ke alamat [spp@ppj.gov.my](mailto:spp@ppj.gov.my) / [bantuan.coins@ppj.gov.my](mailto:bantuan.coins@ppj.gov.my) untuk sebarang pertanyaan.

KENYATAAN INI JUGA TERDAPAT DI LAMAN WEB PERBADANAN PUTRAJAYA DI ALAMAT:  
(<https://www.ppj.gov.my/>); (<https://jpm.gov.my/>) dan (<https://myprocurement.treasury.gov.my/>)